

LKIM:P.406/911/13  
Jld.20( )  
7 April 2008

Pengarah Bahagian \_\_\_\_\_

Ketua Seksyen \_\_\_\_\_

Pengarah Negeri \_\_\_\_\_

Pengurus Kompleks \_\_\_\_\_

Pengurus PNK/PNN \_\_\_\_\_

Pengurus Besar \_\_\_\_\_

(Seperti Dilampiran)

Tuan/Puan,

**PELAWAAN MENYERTAI KONVENSYEN KUMPULAN MENINGKAT MUTU KERJA (KMK)  
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2008**

Dengan hormatnya perkara tersebut di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pihak Pengurusan LKIM akan mengadakan Konvensyen Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) LKIM Peringkat Kebangsaan Tahun 2008. Konvensyen KMK pada tahun ini dijangka akan diadakan pada akhir bulan Oktober 2008. Objektif Konvensyen KMK diadakan adalah untuk:-

- a). Memberi pengiktirafan kepada Kumpulan KMK membentangkan idea-idea dan hasil projek kepada Pihak Pengurusan atasan LKIM.
- b). Memberi peluang kepada ahli KMK untuk bertukar pengalaman dan ilmu bagi meningkatkan kualiti kerja di LKIM.
- c). Menggalakkan aktiviti Pasukan KMK di LKIM.

3. Oleh itu, semua KMK adalah dipelawa untuk menyertai Konvensyen KMK LKIM Peringkat Kebangsaan Tahun 2008. Syarat-syarat bagi menyertainya adalah seperti di Lampiran A.

4. Bagi Menyertai Konvensyen KMK ini, Kumpulan KMK dikehendaki melengkapkan Borang Penyertaan di Lampiran B dan C dan hendaklah dikemukakan kepada Urusetia Kualiti pada atau sebelum **30 Jun 2008** dialamat seperti berikut:

Urusetia  
Konvensyen KMK dan Anugerah Inovasi  
LKIM Peringkat Kebangsaan 2008  
Seksyen Pentadbiran Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia  
Tingkat 8, Wisma PKNS  
Jalan Raja Laut  
Peti Surat 12620  
50784 Kuala Lumpur.

4. Sehubungan dengan itu, sukacita sekiranya pihak tuan/puan dapat memanjangkan perkara ini kepada semua KMK dibawah penyeliaan pihak tuan/puan bagi menyertai konvensyen KMK pada tahun ini.

Sokongan dan kerjasama pihak tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**”PERTANIAN ADALAH PERNIAGAAN”**

Saya yang menurut perintah,

**( MOHD SAFFE BIN MOHD )**

Pengerusi

Jawatankuasa Konvensyen KMK dan

Anugerah Inovasi LKIM Peringkat Kebangsaan 2008

sk: - Ketua Pengarah LKIM

- Timbalan Ketua Pengarah (Khidmat)

- Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

**Lampiran A**

**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN  
KONVENSYEN KUMPULAN MENINGKAT MUTU KERJA  
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA 2008**

1. Penyertaan adalah dibuka kepada semua Pasukan KMK di LKIM.
2. Kumpulan mestikan mempersembahkan projek kepada Pihak Pengurusan di Pejabat masing-masing pada tahun 2008, tetapi projek berkenaan belum lagi pernah dipersembahkan oleh Kumpulan KMK dalam mana-mana Konvensyen Peringkat LKIM di tahun-tahun sebelumnya.
3. Projek Kumpulan mestilah diselesaikan dan dilaksanakan ditempat masing-masing sebelum 25 Oktober 2008.
4. Pihak Pengurusan boleh menolak penyertaan mana-mana kumpulan yang didapati tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Keputusan pemilihan kumpulan yang menyertai konvensyen oleh Pihak Pengurusan adalah muktamad.
5. Pasukan KMK yang dipilih menyertai Konvensyen KMK ini hendaklah menyediakan lima (5) teks projek persembahan dan mengemukakan kepada Urusetia pada atau sebelum 1 Oktober 2008.
6. Keputusan Jemaah Panel Penilai Konvensyen adalah muktamad.
7. Masa persembahan projek adalah 30 minit sahaja, iaitu mengikut pecahan seperti berikut:-
  - a). Persediaan - 5 minit
  - b). Persembahan - 20 minit
  - c). Soal Jawab - 5 minit
8. Bilangan maksima ahli-ahli KMK yang boleh didaftarkan dalam Konvensyen ini adalah **10 orang termasuk fasilitator.**
9. Bahasa pengantar persembahan adalah **Bahasa Malaysia.**



**Lampiran C**

**BORANG PENYERTAAN KONVENSYEN  
KUMPULAN MENINGKAT MUTU KERJA (KMK)  
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA TAHUN 2008**

**B. Keterangan Projek**

1. Tajuk Projek : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
2. Tarikh Projek  
Dimulakan : \_\_\_\_\_
3. Tarikh Projek  
Dipersembahkan kepada  
Pihak Pengurusan : \_\_\_\_\_
4. Ringkasan Projek : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
5. Tempoh Pelaksanaan  
Projek : \_\_\_\_\_
6. Tandatangan Ketua  
Ketua Kumpulan : \_\_\_\_\_